

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 6 TAHUN 1977

PENGAMBILAN BALIK TANAH UNTUK PROJEK JALANRAYA DAN TALIAIR

Di zaman pembangunan ini, khasnya dalam tempoh Rancangan Malaysia ketiga ini soal pengambilan balik tanah untuk sesuatu rancangan pembangunan adalah soal penting dan beban kerjanya sangat berat serta perlu diproses dengan seberapa segera yang boleh supaya segala rancangan tidak tergendala atau menjadi kelewatan.

2. Oleh kerana proses pengambilan tanah ini perlu dijalankan dengan segera supaya segala projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia yang ketiga ini tidak tergendala, malah MKK yang bersidang pada 1.3.1977 selepas menimbang kertas bil.4/235/77(75) telah membuat keputusan seperti berikut :-

- (a) Kuasa menimbang dan memutuskan di bawah sek 3, Sek 4(1) dan 8(1) akata Pengambilan Balik Tanah tahun 1960, mengenai tanah-tanah yang perlu dan mustahak diambil balik untuk projek pembinaan jalanraya dan taliair diperturunkan kepada YAB Dato' M.B/YB Timbalan M.Besar, mengikut Sek 8, Ordinan Perwakilan Kuasa 1956.

- (b) Untuk memcepatkan dan menyegerakan proses pengambilan balik tanah, maka pelan-pelan yang berkenaan hendaklah disediakan dan dihitung keluasannya, bagi tiap-tiap bahagian lot tanah yang hendak diambil balik oleh Jabatan berkenaan dengan menunjukkan bukan sahaja 'centre line' bahkan kedua-dua 'side line'nya. Pelan berkenaan itu hendaklah mengikut ukuran 'standard sheet' yang akan dipakai di Pejabat Tanah berkenaan dan hendaklah disahkan oleh Ketua Pejabat berkenaan.

3. Berdasarkan kepada keputusan MMK di atas maka perlulah Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair mengambil tindakan bagaimana di bawah ini membuat permohonan mengambil balik tanah kepada pejabat tanah:

- (a) Menghantarkan permohonan dengan kembaran pelan tanah yang dicadangkan diambilbalik dengan menandakan di atas pelan itu aliran (line) jalan/taliair yang dikehendaki diambilbalik. Dalam surat permohonan itu hendaklah juga dinyatakan sama ada sijil segera di bawah Sek 19 Land Acquisition Act 1960 dikehendaki.

(b) **Cara-cara aliran(line) Jalan /taliair di atas Pelan:**

(i) **(G.R.P) Flame- J.P.T**

Oleh kerana lebar (GRP) Flames ini hanya lebih kurang 5 kaki sahaja maka memadailah aliran ini ditanda dengan satu 'centre line' sahaja dengan syarat 'centre line' hendaklah ditanda di atas tanah dengan paket yang berjarak tiap-tiap 100 kaki antara satu. Ditempat berselekoh jarak ini hendaklah didekatkan supaya mudah dikesan.

(ii) **Parit Taliair-J.P.T**

Pelan ini hendaklah menunjukkan dua 'side line' bagi alirannya yakni di kedua-dua belah 'centre line' mengikut lebar dikehendaki. Setakat ini tanda dua 'side line' itu tidak perlu ditanda di atas tanah, tetapi 'centre line' hendaklah ditanda di atas tanah dengan paket mengikut cara di perenggan 3(b)(i) di atas.

(iii) **Jalan-jalan -J.K.R**

Caranya bagaimana di perenggan 3(b)(ii) di atas.

- (c) Dalam pelan-pelan yang dihantar kepada Pejabat Tanah berhubung dalam perenggan 3(a), (b)(i), (ii) dan (iii) di atas, Jabatan-jabatan berkenaan hendaklah menghitung (compute) luas bahagian tanah yang hendak diambilbalik daripada tiap-tiap satu lot dan senaraikan di atas pelan berkenaan dan pelan itu hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan berkenaan.
- (d) Apabila pihak Pejabat Tanah hendak membuat lawatan memeriksa dan membuat nilai tanah-tanah yang hendak diambilbalik itu pihak Pejabat Tanah hendaklah memberitahu jabatan-jabatan berkenaan menghantar pegawai-pegawainya untuk bersama melawat dengan Pegawai Pejabat Tanah. Dalam masa lawatan ini tanda aliran 'dua side line' bagaimana di perenggan 3(b)(ii) dan (iii) hendaklah ditanda di atas tanah dengan paket/pancang dengan jarak tiap-tiap 500 kaki antara satu dan di tempat berselekoh pula jaraknya hendaklah didekatkan supaya mudah dikesan. Untuk memasang paket/pancang ini Jabatan-jabatan berkenaan adalah bertanggungjawab untuk mengadakan tenaga buruh-buruhnya dengan bayaran upahnya/gaji ditanggung oleh Jabatan-jabatan itu sendiri.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah & Galian
Kelantan

KEPADA:

Semua Ketua-Ketua Jajahan dan
Pengarah J.K.R Kelantan.

SALINAN KEPADA:

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

Y.B Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

Ketua Cawangan Odit Negeri Kelantan.

Pengarah L.K.T.N Kelantan.

YABrs. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.**

KOTA BHARU: 9HB RABIULAKHIR, 1397
29HB MAC, 1977

PTG.(KN) 70/60/JLD.II(33).